

Sekatan kuasa besar dunia jejas negara kecil

Tindakan tidak adil rencat pembangunan, jejas ekonomi: Dr Mahathir



Tun Dr Mahathir Mohamad membidas tindakan beberapa negara kuasa besar dunia mengenakan sekatan terhadap negara kecil di rantau ini.

Bagi Perdana Menteri, tindakan sedemikian adalah sangat tidak adil kerana ia bukan sahaja boleh merencatkan pembangunan, tetapi juga menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara kecil berkenaan.

“Kuasa besar dunia sebelum ini asyik bercakap mengenai hak kebebasan, namun tindakan mereka bertentangan dengan prinsip kebebasan yang dilaung-laungkan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama rakan sejawatnya dari Kemboja, Hun Sen, di Peace Palace, di sini semalam.

Dr Mahathir dan Hun Sen sebelum itu mengadakan pertemuan dua hala lebih sejam sempena lawatan rasminya ke Kemboja, khusus bagi memperkukuhkan hubungan Malaysia-Kemboja.

Terdahulu, kedua-dua pemimpin turut menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Pengecualian Cukai Berganda (DTA) dan Memorandum Persefahaman (MoU) Perjanjian Promosi Pelancongan antara kedua-dua negara.

Malaysia diwakili Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah, manakala Kemboja diwakili Menteri Kewangan dan Ekonomi, Aun Pornmoniroth serta Menteri Pelancongan, Dr Thong Khon.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, isu sekatan itu akan dibangkitkan beliau ketika menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) di New York pertengahan bulan ini untuk mencari keadilan.

“Dengan negara (kecil) yang dikenakan sekatan itu, kita memang tiada masalah. Namun, kita terpaksa berhenti berdagang dengan mereka hanya disebabkan sekatan dikenakan negara kuasa besar berkenaan,” katanya.

Dr Mahathir berkata, selain tindakan sekatan berkenaan, beberapa isu berbangkit lain turut menjadi tumpuan sepanjang temuannya bersama rakan seja-



Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah berbual dengan Hun Sen dan isteri, Bun Rany Hun Sen di Peace Palace, Phnom Penh, semalam.

watnya dari Kemboja itu.

Turut dibincangkan ialah isu keselamatan perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan, iaitu laluan perdagangan terpenting bagi kemakmuran ekonomi serantau.

“Selat Melaka dan Laut China Selatan sepatutnya bebas digunakan bagi aktiviti perdagangan, sekali gus menyumbang kepada usaha memperkasakan ekonomi serantau dengan kesan positifnya turut dinikmati bersama dalam negara anggota (ASEAN),” katanya.

Perdana Menteri berkata, perbincangan bersama Hun Sen turut menyentuh berhubung penyertaan Timor Leste dalam ASEAN yang dijangka berlangsung pada sidang kemuncak negara serantau itu

yang akan datang.

Sementara itu, Hun Sen berkata, beliau dan Dr Mahathir bersetuju mengarahkan agensi berkaitan di kedua-dua negara mencari kaedah terbaik meningkatkan hubungan dagang dan pelaburan Malaysia-Kemboja.

“Kita menghargai komitmen dan dedikasi Malaysia dalam agenda pembangunan Kemboja selama ini, terutama dalam konteks ekonomi. Malah, Malaysia berada dalam kelompok rakan dagang strategik terbesar bagi Kemboja,” katanya.

Hun Sen berkata, Kemboja dan Malaysia juga secara dasarnya bersetuju untuk mengadakan kerjasama latihan dan perkongsian maklumat dalam konteks keselamatan serta pertahanan kedua-dua negara.

“Dalam perbincangan bersama Dr Mahathir, kita turut mencapai persetujuan untuk mengekang kegiatan jenayah rentas sempadan, khususnya aktiviti penyeludupan manusia yang kini turut menjadi ancaman global,” katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir yang diiringi isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, diberikan sambutan negara sejourus tiba di Peace Palace.

Ketibaan beliau disambut sendiri oleh Hun sebelum lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan.

Dr Mahathir kemudian memeriksa pasukan kawalan kehormatan Angkatan Tentera Kemboja (CAF) sebelum dua pemimpin bersahabat itu mengadakan perbincangan dua hala.